

## KENYATAAN MEDIA

### UNTUK SIARAN SEGERA

#### PINDAAN RANG UDANG-UNDANG (RUU) AKTA PENAGIH DADAH (RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983

##### DEKRIMINALISASI MESTI IKUT ACUAN NEGARA SENDIRI

Malaysia mengorak langkah menyambut baik saranan pendekriminalisasian oleh badan dunia dengan mengikut acuan sendiri. Ini adalah kerana isu penagihan yang kini di terima pakai sebagai isu kesihatan tidak dapat dipisahkan dengan komponen keselamatan dalam konteks negara Malaysia. Dengan demikian Kerajaan sangat berhati-hati dalam melaksanakan dekriminalisasi dengan mengambil kira semua aspek melalui proses libat urus yang sangat menyeluruh.

Pindaan RUU APD (Rawatan dan Pemulihan) 1983 memberi nafas baharu kepada pengurusan penagihan dadah dan penyalahgunaan bahan yang boleh dilihat dengan memenuhi ciri-ciri amalan terbaik dalam rawatan dan pemulihan dadah serta bahan. Semangat yang diterjemahkan dalam pemakaian pindaan RUU ini juga melengkapinya prinsip-prinsip rawatan dan pemulihan seperti mana yang disarankan oleh *National Institute on Drug Abuse* (NIDA).

Mengimbangi aspek kesihatan dan komponen keselamatan, Pindaan RUU APD (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ini menyentuh empat aspek utama dalam pengurusan penagihan iaitu:

**i. Aksesibiliti Rawatan dan Pemulihan;**

Pindaan RUU ini jelas menterjemahkan tindakan yang proaktif dalam melakukan anjakan paradigmanya dengan mengalihkan pendekatan pemenjaraan kepada pendekatan bukan pemenjaraan. Pemakaian Seksyen 6(a) adalah sebuah seksyen yang sangat bermakna dalam memastikan agar setiap pesakit mendapat rawatan dan pemulihan terbaik mengikut pilihan terbuka.

**ii. Kebertanggungjawaban Ibu bapa dan Orang Dewasa;**

Ibu bapa yang mengabaikan perkembangan anak-anak mesti mengambil tanggungjawab terhadap tingkah laku dan tindak tanduk mereka. Pun begitu,

pindaan RUU ini akan dilaksanakan dengan penuh hemah dan berasaskan perikemanusiaan tanpa menggandakan kepayahan hidup terhadap untung nasib kehidupan mereka. Kebimbangan sesetengah pihak berhubung kekejaman menghukum kepada keluarga yang hidup dalam kesusahan adalah tanggapan yang salah. Semangat yang di bawa ialah mendidik ibu bapa mengambil tanggungjawab terhadap anak jagaan mereka dalam susah dan senang. Dari segi pelaksanaan, adalah diyakini aspek mengenakan tindakan kepada ibu bapa adalah berasaskan timbang rasa dan budi bicara tanpa berkompromi dengan aspek kebertanggungjawaban.

### **iii. Integriti Proses Rawatan dan Pemulihan**

Melalui penubuhan Majlis Profesion Pegawai Pemulihan, ia sekali gus mengangkat kewibawaan proses pemulihan dengan menyediakan Pegawai Pemulihan yang profesional setara dengan 'Profesyen Perkhidmatan Menolong' yang lain. Tentunya Majlis Profesion Pegawai Pemulihan akan dianggotai oleh barisan kumpulan pakar yang akan menyediakan kaedah dan garis panduan terbaik bagi tujuan pengiktirafan dan pentauliahan pengamalannya.

### **iv. Piawai Minima Perkhidmatan.**

Pindaan RUU ini pastinya merupakan punca kuasa kepada pemerksaan pusat perkhidmatan rawatan dan pemulihan sama ada dalam sektor awam mahupun swasta. Pendaftaran Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) pastinya akan membawa kebaikan daripada segi kualiti rawatan dan pemulihan yang disediakan untuk memenangi kepercayaan rakyat. Pindaan ini juga diyakini akan menjadikan seluruh PPDP sebagai rakan strategik dalam rawatan dan pemulihan yang akan disuburkan dengan pelbagai jalinan kerjasama antara Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dan PPDP.

Justeru, konklusi yang dapat ditegaskan di sini adalah tidak ada sebab Pindaan RUU APD (Rawatan dan Pemulihan) 1983 tidak disokong kerana kebaikan yang akan diterjemahkan pastinya menguntungkan negara dalam semua aspek khususnya daripada aspek keselamatan, kesihatan, ekonomi dan sosial.

**DATO' DR ABDUL HALIM MOHD HUSSIN**  
**PAKAR KAUNSELING PENAGIHAN**  
**18 JULAI 2024**  
**KUALA LUMPUR**